



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (27)
Tarikh : 15 Oktober 2020

KENYATAAN MEDIA

HARGAI ANGGOTA BOMBA KERANA MEREKA WIRA MASYARAKAT

1. Saya mengambil maklum mengenai insiden melibatkan Anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang dikasari sewaktu menjalankan kerja-kerja pemadaman kebakaran melibatkan kemalangan berdekatan Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Tun Hussein Onn.
2. Secara peribadi, saya terkilan dan terguris apabila melihat rakaman video berkenaan kerana Anggota JBPM merupakan salah satu petugas di barisan hadapan yang bekerja tanpa mengenal erti penat dan lelah. Bahkan pengorbanan mereka seharusnya diiktiraf masyarakat.
3. Saya turut menerima maklumat bahawa individu berkenaan berada dalam keadaan khayal dan pemeriksaan keatas kenderaan menjumpai senjata tajam berupa pisau pemotong daging.
4. Anggota JBPM yang dipukul oleh individu awam itu sudah membuat laporan polis berhubung kejadian tersebut. Saya berharap siasatan dapat dijalankan segera dan mana-mana pihak yang melanggar undang-undang harus diambil tindakan mengikut Perlembagaan Persekutuan.
5. Masyarakat sepatutnya dalam apa-apa situasi menghormati tugas yang dijalankan anggota bomba, memandangkan sudah terbukti mereka memikul tanggungjawab berat bagi menjaga keselamatan awam dan ketenteraman masyarakat.

BOMBA TONGGAK PENYELAMATAN NEGARA

YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

15 Oktober 2020

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my